

06/06/2004

Menyaksikan siang, malam pada satu masa

By Hafizah Iszahanid

EMPAT jam sebelum sampai ke puncak Everest, kami menyaksikan keajaiban dan kekuasaan Tuhan. Di sebelah kanan saya, Tibet sudah siang tetapi di kiri saya, Nepal masih malam. Waktu itu kami rasa sangat bersyukur kerana pendakian kami ke puncak tidak tergendala."

Bagi Mohd Muqharabbin Mokhtarrudin, 22 dan Ahmad Reduan Rozali, 22 menawan puncak tertinggi di dunia itu menyaksikan suatu panorama yang sangat mengagumkan walaupun badan terasa letih dan tidak bermaya.

"Apabila hampir sampai ke puncak, kekuatan fizikal sudah habis. Kening, mata dan hidung dipenuhi ais. Hanya semangat yang menjadi perangsang dan tekad yang ada untuk meneruskan pendakian," kata Muqharabbin.

Baginya, pengalaman tujuh hari mendaki puncak Everest memang sesuatu yang tidak boleh dilupa seumur hidupnya.

Malah, bagi Muqharabbin dan Reduan, mereka masih terkejut kerana antara 30 pendaki Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) yang memulakan projek ini sejak 2001, mereka berdua saja yang akhirnya berjaya tiba di puncak.

Semuanya bermula apabila berkesempatan bertemu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad yang mencabar belia bawah 25 tahun melakukan sesuatu yang membanggakan negara berbekalkan semangat Malaysia Boleh.

"Memang waktu itu, semangat kami berkobar-kobar walaupun sebelum masuk ke UiTM, saya tidak pernah mengimpikan untuk menawan Everest. Malah saya tidak pernah memanjat mana-mana gunung pun. Tapi keinginan itu mula ada sebaik saja mendaki Gunung Tahan," kata Reduan.

Dari situ, mereka perlahan-lahan menawan satu persatu puncak gunung bertemankan nasihat dan semangat jurulatih Mohd Fauzan Hassan. Pada 2002, dua anak muda ini berjaya menakluk puncak Kala Patthar di Nepal, kemudian mara ke Mount Blanc di Perancis dan Gunung Aspiring di New Zealand.

Malah Muqharabbin berjaya menempuh cabaran bagi menyudahkan misi solonya menawan Burga Peak dan Karakoram di Pakistan.

Enam bulan di Perancis dan New Zealand untuk persiapan teknikal ke Everest dilengkapkan lagi dengan kejayaan mendaki Banjaran Annapurna pada Januari lalu dan sekitar Mac, mereka berjaya menawan Island Peak (6180 meter) sebagai persiapan terakhir menyesuaikan diri dengan cuaca dan Sherpa di Everest.

"Sebenarnya, saya sangat bersyukur kerana berjaya menyudahkan misi ini. Everest bukan calang-calang cabaran, kerana itu saya sangat bersyukur kerana pergi dengan selamat dan pulang dengan selamat," kata Reduan.

Anak sulung enam beradik itu awalnya gagal memohon kebenaran ibu. Berita kematian pendaki di Everest yang berlaku saban tahun menyebabkan ibunya enggan memberi kebenaran.

"Jenuh juga saya pujuk emak. Saya katakan padanya sekarang ini ada teknologi bukan macam dulu lagipun jika kita berhati-hati semuanya selamat," katanya.

Begitupun jauh di sudut hati Reduan, dia reda sekiranya ditakdirkan dia maut dalam misi itu.

"Walaupun saya berjaya pujuk emak, tapi dalam hati saya tetap berserah pada Allah. Maut di mana-mana. Kalau memang ajal saya sampai ketika itu saya reda," katanya.

Sepanjang pendakian, Reduan dan Muqharabbin hanya mampu menikmati mee segera, kurma, power gel, makanan tambahan (supplement) yang dibekalkan Majlis Sukan Negara. Bukan kerana tidak berselera makan, tapi mereka harus berhati-hati dan sentiasa mengutamakan kesihatan sepanjang pendakian.

Cabaran sebenar pendakian bermula sebaik saja berada di kem ketiga. Waktu itu pendakian menjadi sukar kerana kecuraman gunung berada dalam kedudukan 75 darjah. Pendakian bergantung sepenuhnya kepada tali dan mengambil masa tujuh jam untuk ke kem seterusnya.

"Setibanya di Hillary Step, kami harus lebih berhati-hati. Sebab kalau jatuh, kami akan jatuh ke 2,000 kaki ke bawah dan akan terpelanting sama ada ke Nepal atau Tibet. Habislah kami," kata Muqharabbin.

"Waktu itu saya hanya fikir untuk sampai cepat ke puncak. Kekuatan kami hanya datang dari semangat dan zikir yang dibaca dalam hati," tambah Reduan.

Perjalanan menuju ke puncak bermula 10.50 malam dari kem keempat. Sepanjang pendakian, kegelapan dan kesejukan menjadi peneman. Seseekali apabila mereka mula goyang sherpa akan menepuk bahu.

"Ketika itu saya hanya mahu sampai ke puncak. Saya sudah tidak ingat apa-apa pun," kata Muqharabbin.

Dan akhirnya mereka tiba ke puncak pada 16 Mei jam 8.35 pagi waktu Nepal (10.50 pagi waktu Malaysia) .

"Perkara pertama yang kami buat ialah azan. Kami sangat-sangat bersyukur," kata Reduan.

"Saya tak tahu nak gambarkan bagaimana perasaan saya sebaik tiba ke puncak Everest. Saya melihat gunung berbalam-balam dan luas terbentang. Apa yang ada dalam fikiran saya waktu itu, Tuhan Maha Kaya," kata Muqharabbin.

Mereka memulakan perjalanan turun 30 minit selepas itu. Perjalanan turun meskipun masih sukar tetapi kerana berbaur dengan kegembiraan, ia menjadi begitu mudah.

"Sherpa tunjukkan kami satu mayat pendaki yang sudah tiga tahun tersadai di situ dalam perjalanan turun. Berdebar dada saya waktu itu, mujurlah sudah turun, kalau baru nak naik, tak tahulah," kata Reduan.

Apatah lagi sebaik tiba di kaki Everest mereka dimaklumkan, lapan pendaki maut dalam usaha menawan Everest. Tiga daripadanya pendaki Jepun, satu Bulgaria, dua Korea, satu Amerika dan satu Afrika Selatan.

"Kenangan ini abadi dalam hati. Ia menjadi bukti kemampuan rakyat Malaysia. Kami bersedia untuk memberi panduan dan bimbingan kepada belia lain yang ingin menawan Everest," kata Reduan.

(END)